

31 JAN 2003

S'pura-Mahathir/I

AKHBAR S'PURA BERI KEUTAMAAN KEPADA JAWAPAN DR MAHATHIR

SINGAPURA, 31 Jan (Bernama) -- Jawapan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perbincangan mengenai perang dengan Singapura dan isu pertikaian air menjadi tajuk utama Straits Times hari ini, akhbar milik Singapore Press Holdings.

Dalam laporan muka depan bertajuk 'Mahathir dismisses sovereignty issue and all talk of war' (Mahathir sangkal isu kedaulatan dan semua perbincangan mengenai perang), akhbar itu melaporkan semalam Dr Mahathir menafikan mahu berperang dengan Singapura dan menegaskan bahawa masalah pokok pertikaian air ialah harga dan bukan status kedaulatan republik itu.

Ia juga memetik perdana menteri itu menuduh Singapura melancarkan "kempen membenci" Malaysia bagi mengalihkan perhatian daripada masalah dalamannya yang serius, iaitu, masalah ekonomi serius dan kerugian berbilion akibat kegagalan pelaburan di luar negara.

Dr Mahathir, akhbar itu melaporkan, juga menyatakan bahawa pada pandangan beliau tindakan agresif terhadap Malaysia yang dilakukan oleh puak berlainan dalam Parti Tindakan Rakyat (PAP) adalah kerana mereka cuba mengatasi satu sama lain.

"Kita tidak akan terikut-ikut dengan kerenah mereka atau cuba dan membuat pertaruhan dan bercakap mengenai perang dengan mereka. Tidak mungkin," ia memetik Dr Mahathir berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, badan pembuat keputusan tertinggi parti pemerintah.

Mengenai isu pertikaian air, ia memetik Perdana Menteri Malaysia sebagai "bercakap panjang lebar" mengenai kaitan antara pertikaian air dan kedaulatan Singapura.

"Delam berbuat demikian, beliau menjadi ahli politik Malaysia yang pertama memberi penjelasan mengenai perkara pokok dalam kenyataan Menteri Luar Singapura di Parlimen Sabtu lepas - iaitu sekiranya Malaysia enggan menghormati perjanjian-perjanjian air itu, ia akan memperkecilkan kesucian Perjanjian Pemisahan, yang menjamin kemerdekaan Singapura," menurut Straits Times.

Menyiarkan kenyataan penuh Dr Mahathir, akhbar berbahasa Inggeris itu juga memetik Perdana Menteri Malaysia itu sebagai berkata bahawa adalah tidak masuk akal bahawa kedaulatan merupakan satu daripada fungsi harga air.

"Menakjubkan bukan, harga naik daripada 3 sen kepada 3 1/2 sen dan Singapura hilang kedaulatannya. Adakah begitu? Kedaulatan begitu murah," katanya.

"Katakan saja anda tidak mahu bayar, itu lebih mudah."

Menurut akhbar itu, perang juga tidak ada dalam agenda, memetik Dr Mahathir sebagai berkata bahawa Malaysia tidak berkelahi dengan rakyat Singapura. "Sebarang serangan yang dilancarkan ke negara pulau itu akan mengakibatkan nyawa terkorban. Kami tidak mahu membunuh orang yang tidak berdosa."

Ia juga melaporkan bahawa Dr Mahathir menegaskan bahawa beliau menganggap pengeluaran surat-surat antara beliau dan Menteri Kanan Lee Kuan Yew sebagai sesuatu yang tidak wajar.

"Kini agak sukar bagi kami untuk menulis surat kerana lebih baik kami berunding melalui media."

Bagi menunjukkan kekecewaan beliau, Dr Mahathir memberikan satu analogi: "Saya tidak suka. Anda tulis surat kepada teman wanita anda. Dan

teman wanita anda mengedarkannya kepada semua teman lelakinya. Saya tidak fikir saya mahu menjalin hubungan dengan gadis seperti itu."

Mengenai ekonomi Singapura, akhbar itu turut memetik Dr Mahathir yang meminta Singapura menyelesaikan masalah dalamannya sendiri.

"Bukan sahaja ia mengalami pertumbuhan sifar, tetapi juga wujud kadar pengangguran tinggi, dengan pekerja bank yang diberhentikan membawa teksi."

Kerajaan Singapura turut mengalami kerugian dalam pelaburan-pelaburan yang mengalami kerugian, seperti dalam Enron, Virgin Airlines, Air New Zealand dan di China, katanya.

Ketika ditanya berapa banyak kerugian itu, ia juga memetik Dr Mahathir sebagai berkata kepada pemberita: "Di Singapura, mereka tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan tetapi kita tahu daripada risikan ekonomi, mereka mengalami kerugian besar daripada pelaburan berkenaan."

Laporan lain mengenai sidang media Dr Mahathir, memetik beliau sebagai berkata bahawa Malaysia sedang mengkaji semua pilihan bagi membolehkannya menaikkan harga air mentah yang dibekalkan kepada Singapura, disiarkan dalam muka surat "Home" (Berita Tempatan), bertajuk 'KL studying all options to up water price' (Kl kaji semua pilihan untuk naikan harga air).

Ia juga memetik Dr Mahathir sebagai berkata hanya air yang telah dirawat akan dibekalkan selepas 2061 sekira harganya munasabah.

Satu lagi laporan pada muka surat yang sama ialah pelawaan Dr Mahathir kepada rakyat Singapura untuk datang ke Malaysia, bertajuk 'No quarrel, come and spend, urges Mahathir.' (Tiada pergaduhan, datang dan berbelanja, gesa Mahathir).

Ia memetik perdana menteri Malaysia itu sebagai berkata Malaysia tidak bergaduh dengan rakyat Singapura disebalik keadaan hubungan dua hala sekarang dan mengalu-alukan mereka sebagai pelancong, pelabur dan pembeli hartanah.

-- BERNAMA

SS RHM